

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI ZAHARI**

**KAWASAN : SETIAWANGSA**

**TARIKH : 13.3.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 3**

**Y.B. DATO' AHMAD FAUZI ZAHARI** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah kajian yang dijalankan bagi sebarang jalinan kerjasama antara PROTON dan PERODUA bagi menghasilkan kereta hibrid tempatan yang lebih banyak pada masa akan datang dengan harga yang berpatutan bagi memberi inisiatif kepada rakyat yang ingin mengurangkan penggunaan petrol.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Setakat ini, tiada jalinan kerjasama di antara PROTON dan PERODUA bagi menghasilkan kereta hibrid tempatan. Ini adalah kerana kedua-dua syarikat mempunyai pelan hala tuju tersendiri, termasuk bagi aktiviti peluasan pasaran, peningkatan produktiviti serta kualiti, pengurangan kos dan pembangunan rangkaian bekalan yang berdasarkan pelan transformasi syarikat masing-masing.